

KONSEP PENJARA MENURUT ISLAM

Oleh:
Hamidi bin Abdul Ghani*

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian umum yang mengupas tentang konsep penjara dan pensyariatannya di dalam Islam, jenis kesalahan yang dikenakan penjara, tempoh hukuman, undang-undang serta peraturan penjara, layanan terhadap banduan dan keburukan hukuman penjara dan kesan terhadap banduan yang dipenjarakan.

Muqaddimah

Maklumat dan konsep tentang penjara telah lama terdapat dalam Islam. Dalam al-Quran, Allah telah menceritakan kisah Nabi Yusuf dipenjara bersama dengan dua orang pemuda, Firman Allah:

وَدَخَلَ مَعَهُ الْيَسْجُنَ فَتَبَّانِ

“Dan bersama dengan dia (Nabi Yusuf) masuk pula ke dalam penjara dua orang pemuda”

Yusuf (12): 36

Menurut bahasa Arab penjara disebut السجن atau الحبس yang bererti tahanan atau kurungan.¹ Menurut pandangan ulama' antaranya ialah Ibn Qayyim² bahawa hukuman penjara bukanlah semestinya ditahan di satu tempat yang sempit, malah ia merupakan satu tindakan

* Penulis adalah Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri.

yang berbentuk tahanan untuk mencegah seseorang dari kebebasan samada ditahan di rumah, masjid atau dalam bentuk disediakan seorang pengawal untuk mengawalnya.

Tindakan-tindakan sebegini menjadi bentuk penjara yang diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w dan Abu Bakar. Manakala di zaman Umar al-Khatab setelah rakyat semakin ramai dan empayar negara Islam semakin meluas maka keperluan kepada sistem penjara yang lebih khusus telah menjadi semakin meningkat sehingga beliau telah memperuntukkan wang sebanyak 4000 dirham untuk membeli sebuah rumah dari Safwan Ibn Umayyah untuk dijadikan penjara yang akan mengasingkan pesalah dari masyarakat umum. Cara seumpama itu telah diikuti dan dimajukan oleh khalifah-khalifah selepasnya seperti Sayyidina Ali yang telah membina di Kufah penjara yang dikenali sebagai "Nafi" dan sebuah lagi dinamakan "Makhis".³

Dalil Pensyariatan Penjara

Penjara disyariatkan berdasarkan beberapa dalil antaranya seperti berikut:

1. Firman Allah:

أَوْ يُنَفَّوْا مِنْ الْأَرْضِ

"Atau mereka (penjenayah) diusir dari bumi"

Al-Ma''idah (5): 33

Ayat tersebut adalah dalil kewujudan hukuman penjara bagi kesalahan merompak.⁴

2. Perbuatan Nabi saw menahan seorang lelaki yang dituduh melakukan kesalahan.⁵

3. Persetujuan Nabi saw untuk membenarkan Thumamah bin Athal seorang tawanan perang diikat dan ditahan pada tiang masjid.⁶
4. Persepakatan para sahabat. Persepakatan ini ditunjukkan oleh perbuatan Khulafa al-Rasyidin seperti Umar pernah menahan Hatibah kerana mencerca dan memenjarakan Sabigh kerana soalan-soalanya tentang surah tertentu dalam al-Quran. Begitu juga Uthman pernah menghukum penjara Dhabi bin al-Haris salah seorang pencuri dari Bani Tamim sehingga mati. Perbuatan Umar, Uthman dan Ali yang membina penjara di Kufah itu tidak dibantah oleh mana-mana sahabat pun. Persetujuan sahabat ini boleh dianggap sebagai ijma' (persepakatan) sahabat dalam pensyariatan penjara.⁷

Jenis Kesalahan Yang Dikenakan Penjara

Penjara mengikut perundangan Islam adalah hukuman kedua yang hanya mewakili sebahagian kecil sahaja dari hukuman Shari'ah yang lain. Penjara adalah merupakan hukuman di bawah kategori ta'zir dan tidak ditentukan kadar atau jenis secara tetap sebagaimana yang diperuntukkan dalam kesalahan hudud dan qisas. Asas kesalahan ta'zir ialah melakukan perbuatan maksiat.

Maksiat yang boleh dikenakan hukuman ta'zir terbahagi kepada tiga jenis;

- i) Maksiat yang mempunyai hukuman yang ditetapkan oleh syara' tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tidak cukup syarat pelaksanaannya. Contohnya ialah mencuri barang yang tidak mencukupi hisab.
- ii) Maksiat yang mempunyai hukuman yang ditetapkan oleh syara' tetapi tidak boleh dijalankan hukumannya kerana syubhah. Contohnya mencuri harta perkongsian.

thal
d.⁶

oleh
han
ana
gitu
aris
itan
dak
ibat
lam

ang
ang
ta'zir
ang
ta'zir

ada

ara'
arat
dak

ara'
ah.

- iii) Maksiat yang tidak ada peruntukan hukuman syara'. Maksiat jenis inilah yang paling banyak bilangannya. Syara' hanya menyebut sebahagian kecil sahaja dari kesalahan-kesalahan ta'zir itu yang merupakan kesalahan-kesalahan sepanjang masa dan dalam setiap keadaan seperti makan harta riba, pecah amanah dan rasuah. Selain dari kesalahan itu syara' memberi kuasa kepada pemerintah untuk menentukan sendiri jenis kesalahan yang dikira sebagai kesalahan ta'zir. Penentuan ini mestilah berasaskan kepentingan awam dan tidak bertentangan dengan nas-nas serta dasar-dasar umum syara'.⁸

Tempoh Hukuman Penjara

Di dalam Islam tempoh hukuman penjara dibahagi kepada dua kategori iaitu penjara tanpa tempoh yang tertentu dan kedua penjara dengan tempoh yang tertentu. Pemenjaraan tanpa tempoh tertentu dikenakan ke atas penjenayah yang bebahaya dan biasa melakukan kesalahan jenayah serta hukuman biasa yang dikenakan kepadanya tidak boleh menginsafkannya. Penjenayah di bawah kategori ini boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu pertama, penjenayah yang akan dipenjara sehingga mati sebagai balasan perbuatan jahatnya. Dalam hal ini taubat tidak dapat membantunya bebas dari penjara. Antara kesalahan yang boleh dikenakan pemenjaraan jenis ini ialah orang yang bekerjasama melakukan perbuatan jahat yang boleh membawa kepada kematian seperti orang yang memegang mangsa pembunuhan supaya dibunuh oleh kawannya.

Kategori kedua pula ialah pemenjaraan sehingga banduan bertaubat nasuha dan sekiranya mereka tidak menunjukkan tandatanda bertaubat, mereka akan ditahan sehingga mati dalam penjara. Antara kesalahan yang boleh dikenakan pemenjaraan jenis ini ialah pencuri yang telah dipotong tangan dan kakinya, orang yang

berulang melakukan jenayah dan penjenayah yang bahaya yang boleh mengancam keselamatan.⁹ Pemenjaraan dengan tempoh yang tertentu pula dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan ta'zir yang biasa atau ringan. Jenis pemenjaraan inilah yang paling banyak dikenakan kepada penjenayah biasa. Tidak ada perselisihan pendapat di kalangan ulama tentang tempoh minimum hukuman penjara dalam kes ta'zir kerana ia diserahkan kepada budi bicara hakim. Perselisihan berlaku tentang tempoh maksimum hukuman penjara ta'zir. Pandangan ulama dalam hal ini terbahagi kepada dua pandangan:

- i. Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali tidak menetapkan tempoh maksimum hukuman penjara ta'zir. Ia diserahkan kepada budi bicara hakim untuk menentukannya. Jika perlu hakim boleh mengenakan tempoh penjara yang melebihi tempoh penjara dalam kes hudud. Mereka berhujah bahawa matlamat ta'zir ialah memulihkan pesalah. Tempoh pemulihan ini berbeza antara seorang penjenayah dengan yang lain. Ada penjenayah yang boleh dipulihkan dalam tempoh yang singkat, sementara yang lain perlu kepada tempoh yang lama untuk dipulihkan. Dalam hal ini pihak hakim lebih memahami persekitaran kejadian penjenayah.¹⁰
- ii. Mazhab Syafie berpendapat bahawa hakim boleh mengenakan tempoh hukuman mengikut pertimbangannya tetapi tidak boleh melebihi tempoh penjara dalam kes hudud.¹¹ Hujah mereka ialah hadith Al-Nu'man yang bermaksud: ‘ Sesiapa yang melampaui batas hukuman hudud dalam kes bukan hudud, maka ia dianggap sebagai orang yang melampau.’¹²

Dalam hal ini penulis bersetuju bahawa hukuman penjara ta'zir tidak boleh dibataskan tempohnya. Alasannya ialah tidak ada nas yang sahih melarang mengenakan tempoh penjara ta'zir melebihi tempoh penjara hudud. Sementara hadith Al- Nu'man adalah hadith mursal.

leh
ntu
tau
ida
na'
na
ng
am

oh
udi
eh
ira
ah
ra
ng
ng
m
an

an
eh
ah
ui
ip

ir
g
h
al.

Imam Shafie tidak berhujah dengan hadith mursal kecuali disokong dengan hadith lain. Dalam hal ini tidak ada hadith lain yang menyokong hadith itu. Dari segi logik pula, matlamat penjara adalah untuk memberi pengajaran dan memulihkan penjenayah. Pemulihan ini tidak dapat dikesan kecuali melalui tanda-tanda taubat dan penyesalannya. Kemunculan tanda penyesalan ini, tidak boleh ditetapkan tempohnya. Kemungkinan ada orang yang boleh bertaubat dengan segera apabila dipenjarakan dan ada orang yang berterusan tidak bertaubat sepanjang hayatnya. Persoalan yang perlu dilihat dalam masalah sekejap atau lama tempoh penjara ialah sejauh mana penyesalan dan taubat yang ditunjukkan oleh banduan semasa dalam penjara.

1) Undang-undang Dan Peraturan Penjara

Mengikut maklumat yang ada pada penulis, tidak ada satu undang-undang atau peraturan khas yang ditulis oleh ulama' silam sebagai panduan dalam menjalankan sistem pemenjaraan menurut Islam. Walaupun terdapat beberapa peraturan yang dikemukakan oleh Sayyidina Ali, Umar Ibn Abd Aziz dan surat yang ditulis oleh Abu Yusuf kepada Harun Al-Rashid namun ia bukan sesuatu yang lengkap dan menggambarkan proses pemenjaraan sebagaimana yang ada sekarang.¹³ Di dalam kitab-kitab fiqh klasik juga tidak ditulis bab yang khusus tentang penjara. Hukuman penjara ini banyak ditulis oleh penulis-penulis terkemudian setelah mereka mengumpulkan pandangan ulama' dahulu dari pelbagai bab. Menurut Al-Wa'ili bahawa yang diterima pakai sebagai peraturan penjara ialah segala hukum atau kaedah yang sesuai dengan prinsip atau dasar perundangan Islam.¹⁴

Abd Aziz Amir berpendapat bahawa mematuhi dan mengadakan peraturan penjara bukan satu amalan yang bertentangan dengan syariat malah ia adalah perlu untuk mewujudkan suasana penjara yang mampu untuk mencegah jenayah, menyemai nilai yang baik dan sebagai tempat untuk memulihkan penjenayah serta mendorongnya untuk bertaubat.¹⁵

Pendapat AbdAziz Amir amat tepat sekali kerana hukuman penjara adalah hukuman ta'zir yang tidak ada nas yang jelas menerangkan cara pemenjaraan. Justeru itu, hukuman ini memberikan ruang yang luas untuk pemerintah berijtihad dari masa ke semasa untuk mencari cara yang terbaik dalam menentukan sistem pemenjaraan dan peraturannya. Yang penting ia mesti menggambarkan adanya unsur pencegahan dan pemulihan.

5.

Beberapa perkara yang ditekankan oleh ulama' Islam berkenaan dengan hukuman penjara ialah:¹⁶

1. Hukuman penjara dikenakan secara beramai-ramai. Namun kalau keadaan memerlukan ia boleh dikenakan secara sendirian. Walaupun secara beramai-ramai namun mesti diasingkan antara peringkat banduan. Diisingkan antara lelaki dan wanita, orang tua, dan muda serta antara banduan yang berbahaya dengan yang tidak berbahaya.
2. Kewajipan pemerintah menyediakan tempat untuk mengerjakan kewajipan sembahyang fardhu. Jika banduan menunjukkan sikap malas untuk menunaikannya, pegawai penjara boleh menyօal dan mengingatkannya.
3. Pemerintah juga berkewajipan menjaga kesihatan banduan dengan penjagaan makanan, pakaian, kebersihan penjara dan mengurangkan kesesakan di penjara. Kalau banduan sakit, ia mesti dirawat dalam penjara kecuali sakit tenat yang perlu dibawa ke hospital. Semua langkah ini bertujuan supaya penjara tidak menjadi tempat membinasakan banduan dan dengan kesihatan yang baik memberikan daya berfikir yang baik kepada banduan untuk membaiki dirinya.
4. Antara perkara yang dapat membentuk keperibadian banduan ialah memberi pelajaran kepada mereka. Tujuan pelajaran ini

6.

2)

Tida
hibu

ialah untuk membetulkan fahaman mereka, memenuhi masa lapang dan menghapuskan kejahilan yang menjadi punca kejadian jenayah. Ilmu yang diajar ini meliputi ilmu kerohanian dan ilmu kemahiran yang boleh membawa mereka hidup secara mulia setelah dibebaskan kelak.

5. Mbenarkan keluarga dan kawan banduan untuk menziarahinya kerana lawatan itu mempunyai kesan yang baik iaitu perasaan banduan bahawa mereka masih dianggap sebahagian daripada masyarakat dan boleh meringankan kesan buruk pada banduan dan memberikan kekuatan fizikal dan mental kepadanya. Mengikut pendapat majoriti ulama', banduan boleh dibenarkan mengadakan hubungan kelamin dengan isterinya kerana kalau keperluan kehendak perut seperti makan dan minum dibenarkan maka begitu juga dibenarkan kehendak nafsu. Kebenaran dan keizinan ini adalah satu perbuatan yang baik kerana dapat memelihara kehormatan pasangan suami isteri berkenaan dari sebarang perbuatan keji. Selain dari itu, banduan juga dibenarkan keluar untuk menziarahi keluarga yang sakit tenat kalau keadaan terdesak dengan diambil langkah-langkah kawalan yang ketat supaya banduan tidak lari.
6. Apabila banduan cuba lari, melawan pegawai penjara atau menyakiti banduan lain, maka dia boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti dirotan, digari, ditahan sendirian dan ditarik sebahagian dari keistimewaannya. Dalam apa keadaanpun, banduan tidak boleh dikenakan tindakan ditahan dari makanan atau menyiksanya atau menghinanya.

2) Layanan Terhadap Banduan Dan Kos Sara Hidupnya

Tidak dinafikan manusia perlu kepada makanan, minuman, pakaian, hiburan dan seumpamanya. Namun cara pemberian atau layanan

kepada banduan mestilah secara sederhana tidak terlalu mewah sehingga tidak ada beza antara di dalam dan di luar penjara dan tidak pula terlalu kurang sehingga menghilangkan rasa kemanusiaan. Sebab itu ulama' sependapat pegawai penjara mestilah seorang yang amanah dan adil supaya layanan yang berpatutan dapat diberikan.¹⁷

Perbelanjaan untuk menyediakan keperluan asas banduan itu mesti dibayar oleh banduan sendiri sekiranya dia mempunyai harta kerana dia dipenjara atas kesalahan yang dilakukannya sendiri. Sekiranya banduan itu tidak mempunyai harta, peruntukan kewangan Baitul Mal (Perbendaharaan Negara) boleh digunakan kerana mewujudkan penjara termasuk salah satu dari kepentingan orang ramai. Jikalau Perbendaharaan Negara tidak mempunyai peruntukkan kewangan, menurut sesetengah ulama', perbelanjaan itu boleh diambil daripada golongan kaya dikalangan orang Islam kerana usaha ini termasuk dalam bab memberi bantuan dalam perkara kebaikan dan taqwa.¹⁸

Penulis amat bersetuju, banduan yang mempunyai hartamembayar sendiri kos sara hidupnya di penjara. Tindakan ini akan menyebabkan banduan tersebut tidak berani mengulangi kesalahan, berbanding sekiranya negara yang membayar kos sara hidupnya. Banduan yang ditanggung makan minum di penjara akan merasa seronok dan akan mengulangi kesalahan untuk masuk penjara kali kedua. Lebih-lebih lagi makanan dalam penjara lebih mewah dari luar penjara. Bagi mereka di luar dan di dalam penjara sama sahaja, malah di dalam penjara lebih baik kerana pekerjaan dan makanan telah disediakan.

Keburukan Hukuman penjara

Dalam Islam, hukuman penjara tidak dianggap sebagai hukum utama kerana agama Islam lebih mengutamakan sebat dalam kebanyakan hukuman jenayahnya. Dari kajian penulis-penulis Islam moden¹⁹

mewah
in tidak
Sebab
manah

uan itu
i harta
iranya
Baitul
judkan
Jikalau
angan,
ripada
dalam

nbayar
abkan
anding
yang
akan
ih lagi
eka di
lebih

utama
yakan
oden¹⁹

terbukti bahawa penjara mempunyai banyak keburukan dan hukuman sebat pula mengandungi banyak kebaikan.²⁰ Antara keburukan hukuman penjara ialah:

1. Membebankan perbedaharaan negara kerana untuk menyelenggarakan beberapa buah penjara pasti memakan belanja besar. Selain dari beban kewangan itu, keburukan lain ialah kebanyakannya penjenayah yang dimasukkan ke penjara adalah golongan yang mampu untuk bekerja. Penahanan mereka ini akan melemahkan pengeluaran hasil negara dan mensia-siakan tenaga mereka. Walaupun pihak penjara ada menyediakan bengkel dan usahasama dengan syarikat swasta namun ia tidak mampu memberikan peluang pekerjaan kepada keseluruhan banduan.
2. Tempat menimba dan melahirkan teknik melakukan jenayah. Oleh kerana penjara telah menghimpunkan antara pelbagai banduan iaitu banduan yang pertama, banduan yang berpengalaman melakukan jenayah dan banduan yang pada hakikatnya bukan penjenayah yang sebenar tetapi undang-undang menganggap mereka penjenayah seperti orang yang membawa senjata api di tempat yang sama menyebabkan mereka saling memindahkan kemahiran melakukan jenayah antara satu sama lain. Sehingga ada banduan yang sebelum masuk penjara tidak mempunyai ilmu melakukan jenayah dan membenci penjenayah tetapi setelah keluar dari penjara, ia memahami selok belok dan berbangga dengan perbuatan jenayah
3. Memusnahkan perasaan tanggungjawab. Banduan yang masuk penjara akan menikmati kehidupan yang ditanggung makan dan minum oleh kerajaan dan mereka tidak perlu bekerja untuk menyara keluarga. Kehidupan yang seumpaman itu telah sebat dalam jiwa dan amat digemari oleh banduan. Justeru itu

- dapat dilihat banduan yang baru dibebaskan akan mengulangi perbuatan jenayah bukan kerana suka atau minat melakukan jenayah tetapi kerana suka dan ingin kembali ke penjara untuk hidup ditanggung kerajaan tanpa kerja dan tanggungjawab.
4. Kerendahan tahap kesihatan dan akhlak. Pertambahan banduan dan kekurangan bilik kurungan menyebabkan mereka disumbat berasak-asak dalam penjara. Selain dari kesesakan penjara, banduan dihalang dari melakukan hubungan kelamin dengan isterinya. Ini semua boleh menimbulkan perbuatan yang tidak berakhlek dan menyebabkan mereka mudah dijangkiti oleh pelbagai penyakit yang berbahaya. Apabila banduan dipenjarakan, maka keluarga yang bergantung kepadanya akan kehilangan punca pendapatan dan menyebabkan mereka juga terdedah kepada bahaya, fitnah dan kemelaratan. Dapat disimpulkan bahawa penjara sebagai tempat penyebaran penyakit dan keruntuhan akhlak kepada banduan serta keluarganya.
 5. Keburukan lain yang penulis dapat ialah kemungkinan pesalah tidak akan dihukum penjara apabila semua institusi penjara penuh sesak dengan banduan.

Kesimpulan

Setelah diuraikan konsep penjara menurut Islam dapat disimpulkan bahawa tidak ada satu model yang lengkap yang diberikan oleh Islam sebagai panduan untuk menjalankan sistem pemenjaraan. Ini kerana hukuman penjara bukan satu hukuman yang utama. Penjara dimasukkan di bawah kategori hukuman ta'zir. Perlaksanaan ta'zir diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah untuk menentukan kaedahnya. Sebarang kaedah atau peraturan penjara yang digubal boleh diterima oleh Islam selagi tidak bertentangan dengan prinsip dan syariat.²¹

Aspek yang perlu diberikan penekanan oleh pihak kerajaan ialah aspek kerohanian. Setiap banduan Islam mesti diwajibkan bersembahyang fardhu, diadakan kelas pengajian agama secara bersungguh-sungguh dan disediakan jadual tertentu yang lengkap untuk program yang bercorak kerohanian. Program kerohanian mesti dimasukkan dalam kegiatan harian sebagaimana program kemahiran dan riadah.

Kalau aspek kerohanian diambil berat, manusia yang pada mulanya seorang penjenayah akan berubah menjadi manusia yang berguna pada akhirnya. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh sejarah Islam dikalangan para sahabat sebelum memeluk Islam ada yang pernah menjadi penjenayah tetapi telah bertukar menjadi manusia yang berguna hasil didikan atau tarbiah kerohanian yang diterima dari agama Islam. Begitu juga sekira pendidikan kerohanian ini diberikan kepada banduan, mereka akan menjadi pengamal agama yang berjiwa rabbani apabila mereka keluar dari penjara nanti.

NOTA HUJUNG

-
- ¹ Ibn Manzur, *Lisan al-Arab t.t.h*, Beirut, al-Taabah al-Nasyr 17/65.
 - ² Ibn Qayyim al-Jawziah (1989), *al-Turuq al-Hukmiyyah*, Beirut: Maktabah al-Muayyad. h. 89.
 - ³ Ibn Farhun (1986), *Tabsirat al-Hukum*, j. 2, Qaherah: Maktabah al-Kuliat al-Azhariah, h. 310. Al-Waili (1987), *Ahkam al-Sujun baina al-Shariah Wal-al-Qanun*, Beirut: Darul-Kutbi h. 123.
 - ⁴ Ibn Kathir (1988), *Tafsir Ibn Kathir*, j. 2, Qaherah: Dar al-Hadith h. 49.
 - ⁵ Abu Daud, *Sunan Abi Daud, sila lihat Aunul Ma'bud*, j. 10, h. 52.
 - ⁶ Al-Bukhari (1988), *Fath Al-Bari*, j.5, Kaherah: Dar Al-Rayyan Li Al-Turath, h. 7.
 - ⁷ Ibn Farhun, *op.cit*, h. 216.
 - ⁸ 'Udah, j.1, h.132-133, Mohamad Bahjat Utaibah (1991), *Muhadarat Fi al- Fiqh al-Jinai al- Islami*, Maahad al-Dirasat al-Islamiyah, h. 294. Muhammad Ibn Ali (1982), *al-Janib al-Ta'ziri Fi Jarimah al-Zina*, h. 39.
 - ⁹ Al-Ahmad (1983), *Hukum al- Habb Fi al- Syariah al Islamiah*, h. 196, 199. Al-Ahwal (1984), *Uqubat al-Syariqi*, Riyad: Dar al-Huda, Al-Waili, *op. cit*, h. 132, 144.
 - ¹⁰ Ibn Abidin, *Hasyiah Rad al- Mukhtar*, j. 4, Dar al- Fikri, h. 76. Ibn Farhun, *Tabsirah al-Hukkum*, j. 6, Beirut, Dar al-Kutub al-Illiah h. 126.
 - ¹¹ Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, j. 4, Mesir: Maktabah Mustafa al-Baby h. 192, Zakaria al-Ansari (1322H), *Asna al-Matalib*, j. 4, al-Maktabah al-Saadah, h. 162.
 - ¹² Al-Baihaqi, *al-Sunan al- Kubra*, j. 8, Dar al Fikr, h. 327.
 - ¹³ Ibn Saad (t.t), *al-Tabaqat al-Kubra*, j. 5, Beirut: Dar Sadir, h. 356, Abu Yusof (t.t), *Kitab al-Kharaj*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 150-156, Al-Waili, *op.cit*, h. 124.
 - ¹⁴ Al-Waili, *ibid*, h. 57.
 - ¹⁵ Abd Aziz Amir (1976), *al- Ta'zir Fi al-Shariah al-Islamiah*, Dar al-Fikr al-Arabi, h. 384.
 - ¹⁶ Al-Hamidani (1993), *Wilayah al-Shurtah Fi al-Islam*, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, h. 441.
 - ¹⁷ Al-Ahmad (1983), *Hukum al- Habb Fi al- Shariah al Islamiah*, Riyad: Maktabah al-Rushd, h. 308, 317.
 - ¹⁸ *Ibid*, h. 326.
 - ¹⁹ Abdul Qadir Audah (1989), *al-Tashri' al-Jinai al-Islam*, j. 1, Beirut: Mu'assah al-Risalah h. 732, Al-Zurair (1980), *Mukafahah Jarimah al-Sariqah fi al-Islam*, Riyad:

Maktabah al-Ma'rifah, h. 240. Abd Aziz Amir, op. cit, h. 353, Al-Hasri (1993), *al-Siyasah al-Jaziyah*, j. 1, Beirut: al-Jil, h. 411, Muhammad Abd al-Munim (1988), *Nazrat al-Quran ila al-Jarimah Wa al-Iqab*, Qaherah: Dar al- Manar, h. 263.

- al-
- 20 Sila rujuk buku *Keadilan Hukuman Sebat Menurut Islam* oleh Hamidi bin Abdul Ghani untuk mengetahui kebaikan dan cara pelaksanaannya.
- al-
un,
- 21 Sila rujuk *Ta'zir dan Pelaksanaannya di Malaysia* oleh Hamidi bin Abdul Ghani artikel Jurnal KIAS Bil 1/200. hlm 28.